

Tubuh Pusat Pendidikan Perubatan Desa dilengkapi Klinik Masyarakat

UMS dehati dan bantu komuniti



(Gambar kanan) RAKAM KENANGAN ... Osman (enam kiri) bersama Khin (lima kiri) bergambar bersama pensyarah Perubatan UMS berlatarbelakangkan Pusat Pendidikan Perubatan Desa, Sekolah Perubatan UMS.



(Gambar kiri) PERJELAS ... Khin (kanan) menjelaskan sesuatu kepada Osman mengenai aktiviti yang dilaksanakan pelajar di Pusat Pendidikan Perubatan Desa Sikuati, Kudat.

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

SEIRING namanya, Pusat Perubatan Pendidikan Desa Sikuati, Kudat kendalian Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi platform penting bukan sahaja dalam memberi pendedahan kepada pelajar aliran perubatan universiti itu mengenai kesihatan awam tetapi juga memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Dirasmikan pada 2009 oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Khaled Nordin, pusat yang terletak kira-kira 20 kilometer dari Pekan Kudat dan menelan kos kira-kira RM20 juta ini sebenarnya telah mula dibina pada 2007 berlandaskan objektif untuk menjadi pusat operasi dan pelaksanaan Program Perkongsian Universiti-Keluarga (Pupuk) selama lima tahun pelajar mengikuti pengajian.

Pada awalnya beroperasi di bangunan kedai di pekan Kudat, pusat ini kini berdiri megah di kawasan seluas 20 ekar ini dilengkapi pelbagai kemudahan turut menjadi pusat operasi Posting Kesihatan Awam bagi Program Doktor Perubatan, Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dan Program Epidimologi.

Di samping itu, penubuhan PPPD juga bermatlamat menjadi pusat pendidikan yang menyediakan maklumat mengenai masyarakat atau kesihatan awam bagi mahasiswa perubatan dan kejururawatan selain menjadi pusat promosi kesihatan untuk Sekolah Perubatan di sekitar Sikuati dan Kudat.

Menurut Dekan Sekolah Perubatan, Dr Osman Ali, pusat ini memberi peluang kepada pelajar untuk memahami keperluan perubatan desa dan keadaan itu merupakan kesan daripada penekanan kepada manfaat untuk komuniti.

Tambahnya, konsep ini juga sesuai dengan matlamat untuk menjadi pusat tumpuan kesihatan masyarakat, menjadi platform kerjasama antara UMS dan pelbagai pihak serta menjadi pusat

pembangunan penyelidikan, pengembangan, perbincangan dan rujukan dalam perubatan luar bandar.

"Jika hospital lebih tertumpu kepada rawatan terhadap pesakit, kami lebih memfokuskan kepada pencegahan sesuatu penyakit itu terutamanya jenis yang berjangkit," katanya sambil menambah, pusat ini merupakan yang kedua di Malaysia apabila yang pertama ditubuhkan di Tanjung Karang, Selangor di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bagaimanapun, hanya pusat pendidikan ini yang mempunyai Klinik Masyarakat.

Jelas Osman, pusat ini juga digunakan sepanjang tahun dengan setiap kumpulan akan berada di pusat itu selama tujuh minggu untuk memenuhi program wajib yang telah dirangka sebelum kumpulan seterusnya menggantikan mereka untuk tujuh minggu seterusnya dan kitaran itu berlaku setiap tahun.

"Kami turut menerima pelajar luar negara seperti dari Thailand yang memilih untuk mengikuti program di sini apabila cuti semester di universiti masing-masing selain pelajar sarjana yang membuat penyelidikan dalam bidang berkaitan terutamanya sains sosial," katanya.

Pusat ini menawarkan program seperti Ijazah Doktor Perubatan, Sarjana Kesihatan Awam, Sarjana Perubatan



DR OSMAN ALI



KHIN MAUNG OHN



ARIFATUN AQILAH



MOHAMAD HARIZ



TERBAIK ... Osman menunjukkan tanda bagus ketika berkunjung ke gimnasium.

Hari Kanak-Kanak, program kesedaran Hypertension and Diabetes, program keluarga angkat dan program kesedaran kesihatan lain di luar bandar," katanya yang menambah, antara kemudahan yang terdapat di sini adalah bilik tutorial/kuliah, bilik komputer, bilik bacaan, bilik rehat, bilik rekreasi, bilik pensyarah, bilik pegawai promosi kesihatan.

Selain itu, katanya, kemudahan lain adalah rawatan kesihatan percuma untuk diabetes dan darah tinggi, kemudahan rekreasi, dewan, kawalan keselamatan, utiliti dan tempat penginapan.

Tambahnya, mereka turut mengadakan aktiviti seperti persidangan kesihatan mental yang turut melibatkan pelajar antarabangsa, program Zero Tuberculosis (TB), dan program sokongan hayat.

Bagi Arifatun Aqilah Abd Aziz, peluang menjelajah ke kawasan pedalaman untuk pelbagai program melibatkan komuniti yang dilaksana mereka merupakan ruang terbaik untuk mendekati suasana sebenar kerjaya mereka.

Bagi gadis berusia 23 tahun ini juga, peluang itu memberi mereka pendedahan dan persediaan sekiranya ditempatkan di luar bandar atau pedalaman suatu hari nanti.

"Saya sendiri pernah ke Keningau untuk promosi kesihatan di sana serta beberapa tempat lain membuatkan saya tidak lagi janggal untuk ke kawasan pedalaman," jelasnya yang berasal dari Kuala Lumpur.

Arifatun turut menjelaskan bahawa dia kini turut terlibat memantau kesihatan dua hali keluarga angkatnya yang menghidap asma.

Bagi anak kelahiran Johor Bahru, Mohamad Hariz Ammar Khabri, tidak kira berada di bandar atau kampung, setiap tugas yang diberikan perlu disempurnakan sebaik mungkin.

Dia yang memang memilih doktor sebagai impian sejak kecil mengakui mendapat sokongan penuh daripada keluarga untuk terus berkhidmat di luar bandar.

"Bagaimanapun, saya amat berharap agar penduduk terutamanya di kawasan luar bandar akan sedar akan kepentingan penjagaan kesihatan agar mereka dapat meningkatkan kualiti hidup diri dan ahli keluarga mereka," kata bakal doktor yang berusia 23 tahun ini.



MEDAN TABUR BAKTI ... Klinik Masyarakat menjadi medan pelajar Perubatan UMS menabur bakti.

Keluarga, Sarjana Kesihatan Awam (Epidimologi) dan Diploma Kejururawatan.

Ditemui ketika kunjungan rombongan media ke pusat perubatan itu pada Selasa, Osman mengakui program yang dilaksanakan mereka menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat. Malah mereka turut diminta mengadakan program di beberapa kampung berhampiran terutamanya menerusi program Pupuk.

"Pemilihan keluarga angkat pula melibatkan kriteria tertentu dengan bantuan ketua kampung atau pemimpin masyarakat di kawasan masing-masing dengan mengambil kira faktor ekonomi selain tahap kesihatan ahli keluarga.

"Jika ada ahli keluarga yang sakit atau berpenyakit, keluarga berkenaan akan diberi keutamaan bagi membolehkan pelajar ini membuat pemantau terhadap perkembangan kesihatan mereka," katanya yang menambah, pelajar wajib mengunjungi keluarga mereka tiga kali setahun untuk melihat perkembangan tahap kesihatan. Bagaimanapun, terserah kepada mereka jika mahu bermalam di sana atau sebaliknya.

Ditanya sekiranya ada rungutan daripada pelajar, beliau berkata, setakat ini para pelajar tidak mengalami masalah ketika mengadakan program di kawasan pedalaman kecuali masalah interaksi.

"Kebanyakan penduduk terutamanya golongan berusia tidak menggunakan bahasa Melayu sebaliknya

menggunakan dialek masing-masing menyebabkan pelajar dari Semenanjung sukar untuk faham. Tetapi, biasanya ada ahli keluarga mereka yang membantu menterjemah apa yang diperkatakan.

"Tetapi, jika terdapat perbezaan budaya sekalipun, ia hanya dirasakan di awal program tetapi lama-kelamaan mereka mula seronok dan dapat bergaul rapat," katanya yang menjelaskan ketika ini, empat pensyarah kekal ditempatkan di pusat ini untuk membantu pelajar tetapi pensyarah dari Kota Kinabalu turut turun padang untuk memastikan pelajar melaksanakan tugas mereka dengan sebaiknya.

Bercerita mengenai Sekolah Perubatan, beliau berkata, seramai 140 pelajar telah menamatkan pengajian dalam bidang perubatan di UMS sejak ia ditubuhkan pada 2003. Pengajian mengambil masa lima tahun dengan hanya 80 pelajar diterima bagi setiap pengambilan berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Kita berharap dapat menambah jumlah pelajar kepada 100 orang bagi setiap pengambilan apabila bangunan Sekolah Perubatan dijangka siap pada April nanti," katanya.

Bagi Pengarah PPPD, Prof Madya Dr Khin Maung Ohn, Klinik Masyarakat yang dikendalikan mereka sememangnya mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

"Selain Sikuati, klinik masyarakat UMS ini terdapat di Likas dan menerima kira-kira 10-15 pengunjung sehari. Bagi pelajar ini, pelbagai program yang dianjurkan mereka seperti



(Gambar atas) TINJAU ... Osman meninjau kelengkapan penyelidikan diiringi Khin.

(Gambar bawah) KEMUDAHAN ... Blok kediaman kakitangan.



TENANG ... Pemandangan landskap indah antara blok bangunan.